



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 14 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	RM2.4 BILION UNTUK KEBAJIKAN MENERUSI JKM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1164749/rm24-bilion-untuk-kebajikan-menerusi-jkm	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/629176/video/berita-semasa-video/belanjawan-2024-peruntukan-jkm-meningkat-rm24-billion	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/jkm-terima-bantuan-rm2-4b-450000-rakyat-miskin-dapat-manfaat/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=JidvDg8XpkU	YOUTUBE
	https://www.malaysiakini.com/news/682750	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/966704/2024-budget-rm24bil-allocated-social-welfare-department	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	MENUJU NEGARA MENUA, KEBAJIKAN WARGA EMAS PERLU DITANGANI SEGERA	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/10/1164341/menuju-negara-menua-kebajikan-warga-emas-perlu-ditangani-segera	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	HANYA MAMPU BERKOMUNIKASI DENGAN ISYARAT KERDIPAN MATA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019520/hanya-mampu-berkomunikasi-dengan-isyarat-kerdipan-mata	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	SEMOGA NOR ADAWIAH CEPAT SEMBUH	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1164289/semoga-nor-adawiah-cepat-semboh	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	ENAM BULAN TIDAK BERSEKOLAH KERANA SAKIT BUAH PINGGANG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/13/enam-bulan-tidak-bersekolah-kerana-sakit-buah-pinggang/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	WANITA BERGELAR DATUK DIDAKWA CURI JAM ROLEX SUAMI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/wanita-bergelar-datuk-didakwa-curi-jam-rolex-suami/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	'BERAT SUNGGUH DERITAMU DIK'	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1164296/berat-sungguh-deritamu-dik	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	GEMBIRA DINANTI, DUKA BERTANDANG	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1019451/gembira-dinanti-duka-bertandang	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	RISIKO HIDAP KANSER PAYUDARA MENINGKAT SEIRING USIA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/13/risiko-hidap-kanser-payudara-meningkat-seiring-usia/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

14/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	PROJEK FERTIGASI TIMUN BATANG, BANTU TINGKATKAN SARA HIDUP	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/10/1164311/projek-fertigasi-timun-batang-bantu-tingkatkan-sara-hidup	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	SUAMI ISTERI BUAT DUA KERJA DEMI DUA ANAK OKU	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/suami-isteri-buat-dua-kerja-demi-dua-anak-oku/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	'INCLUDE US IN BRICKFIELDS DEVELOPMENT DECISIONS'	
	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/10/13/include-us-in-brickfields-development-decisions	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	WARGA EMAS RUGI RM600,000 TERPEDAYA PELABURAN DIGITAL	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-rugi-rm600000-terpedaya-pelaburan-digital/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/13/warga-emas-rugi-rm600000-terpedaya-pelaburan-digital/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	TIGA SAHABAT WARGA EMAS MEMANCING	
	https://www.sinarharian.com.my/article/629021/galeri/tiga-sahabat-warga-emas-memancing	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	IBU TUNGGAL WARGA EMAS GEMBIRA RUMAH USANGNYA DIBAIKI OLEH ATM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/ibu-tunggal-warga-emas-gembira-rumah-usangnya-dibaiki-oleh-atm/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	NEGARA MENUA: ISU KEMISKINAN WARGA EMAS PERLU DITANGANI SEGERA	
	https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=2234385	BERNAMA.COM
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/10/13/negara-menua-isu-kemiskinan-warga-emas-perlu-ditangani-segera/	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
17	10 TAHUN BERPISAH, BEKAS ISTERI 'PENING' MASIH DIGANGGU ALONG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019463/10-tahun-berpisah-bekas-isteri-pening-masih-diganggu-along	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1164338/wanita-jadi-sasaran-gara-gara-bekas-suami-hutang-along	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	PERSPEKTIF GENDER TERHAD BERI IMPAK KEPADA WANITA, KANAK-KANAK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/629247/berita/nasional/perspektif-gender-terhad-beri-impak-kepada-wanita-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	BELANJAWAN 2024: KERAJAAN LANJUT PENGECUALIAN CUKAI KEPADA WANITA KEMBALI BEKERJA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1164657/belanjan-wan-2024-kerajaan-lanjut-pengecualian-cukai-kepada-wanita	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	KANAK-KANAK CEDERA PARAH TANGAN TERSEPIT PENGADANG JALAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/629115/berita/semasa/kanak-kanak-cedera-parah-tangan-tersepit-pengadang-jalan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	MEKANIK LIMA ANAK PELUK REMAJA BERDEPAN HUKUMAN PENJARA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mekanik-lima-anak-peluk-remaja-berdepan-hukuman-penjara-441620	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
22	RM586 JUTA UNTUK PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019701/rm586-juta-untuk-pendidikan-awal-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	'BAGI SAYA OKU ADALAH ORANG KUAT USAHA'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019558/bagi-saya-oku-adalah-orang-kuat-usaha	HMETRO.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
24	BELANJAWAN 2024: RM1.2 BILION UNTUK OKU	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1164629/belanjawan-2024-rm12-bilion-untuk-oku	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/belanjawan-2024-rm1-2-bilion-sejahtera-golongan-oku/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=awGC-0GIB3Q	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=5CSkXdjAr8	YOUTUBE
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/13/belanjawan-2024-rm1-2-bilion-disalurkan-untuk-penjagaan-oku/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2024-rm12-bilion-untuk-lindungi-kesejahteraan-perkasa-oku-pm-441724	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2234654	BERNAMA.COM
	https://www.buletintv3.my/nasional/belanjawan-2024-kadar-elaun-18000-pelatih-oku-dinaikkan-kepada-rm300/	BULETINTV3.MY
	https://selangorkini.my/2023/10/rm1-2-bilion-untuk-lindungi-kesejahteraan-perkasa-oku/	SELANGORKINI.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/13/2582945/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://malaysiapost.com.my/2023/10/13/rm1-2-bilion-untuk-oku/	MALYSIAHPOST.COM.MY
	https://www.dagangnews.com/article/belanjawan-2024-peruntukan-rm12-bilion-disedia-bagi-pelbagai-bentuk-bantuan-kepada-golongan-oku-31300	DAGANGNEWS.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	KAKAK RAYU BANTU CARI ADIK OKU HILANG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/629041/edisi/johor/kakak-rayu-bantu-cari-adik-oku-hilang	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kakak-rayu-bantu-cari-adik-oku-hilang-441594	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
26	MPM KECEWA TIADA BAJET KHUSUS PEMBANGUNAN ATLET OKU	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/13/mpm-kecewa-tiada-bajet-khusus-pembangunan-atlet-oku/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	RM1 BILION DIPERUNTUKKAN MELINDUNGI KESEJAHTERAAN WARGA EMAS	
	https://www.youtube.com/watch?v=jJtBPMSsrbk	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=AadOWQj4eqA	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
28	UKM PELBAGAIKAN AKTIVITI UNTUK WARGA EMAS	
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/10/1019570/ukm-pelbagaikan-aktiviti-untuk-warga-emas	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
29	WARGA EMAS AMBIL LESEN MOTOSIKAL MAHU BAWA CUCU BERSIAR-SIAR	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-ambil-lesen-motosikal-mahu-bawa-cucu-bersiar-siar/	UTUSAN.COM.MY



TAJUK : **DIUGUT ALONG LANGSAI HUTANG BEKAS SUAMI**

HARI : **SABTU**

AKHBAR : **BERITA HARIAN**

TARIKH : **14 OKT 2023**

M/SURAT : **43**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Diugut along langsung hutang bekas suami

Johor: Seorang eksekutif sebuah syarikat di Singapura hidup dalam ketakutan selepas diganggu along yang menagih hutang bekas suaminya.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Yeng, 42, mendakwa along mengugut mahu membakar rumah keluarganya di Taman Desa Jaya di sini, jika tidak membayar hutang bekas suaminya.

Beliau berkata, along bukan sahaja menghantar ugutan menerusi WhatsApps, malah turut membaling cat kuning di rumah kakaknya.

“Mimpi ngeri kami sekeluarga bermula pertengahan bulan lalu apabila saya menerima mesej ugutan along mendesak supaya membayar wang dipinjam bekas suami.

“Tidak cukup dengan itu, along kemudian datang ke rumah kakak saya dan tinggalkan nota ugutan supaya membayar

balik hutang bekas suami.

“Pada 3 Oktober lalu, mereka menyimbah cat kuning di rumah kami dan terkena pada pagar serta kereta,” katanya pada sidang media di Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Jaya, Taman Johor Jaya di sini.

Ibu tunggal dua anak berusia 14 dan 18 tahun itu berkata, keluarganya terpaksa mengeluarkan kos RM2,000 untuk membaiki kerosakan itu.

“Saya juga sudah membuat tiga laporan polis berhubung perkara itu,” katanya yang sudah bercerai dengan suami sejak 10 tahun lalu.

Sementara itu, Pegawai Aduan Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Jaya, Mok Meng Haw menggesa bekas suami Yeng bertanggungjawab dan segera melunaskan hutang itu atau berdepan tindakan pihaknya.



TAJUK :	MEKANIK PELUK REMAJA PEREMPUAN DIPENJARA, SEBAT		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	14 OKT 2023	M/SURAT :	41
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Mekanik peluk remaja perempuan dipenjara, sebat

Melaka: Seorang mekanik berdepan hukuman penjara 20 tahun dan sebatan selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan, Isnin lalu.

Mohd Rizuan Abd Razak, 43, membuat pengakuan itu sejeurus pertuduhan dibacakan dan diterangkan terhadapnya di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal dengan memeluk seorang remaja perempuan berusia 17 tahun sembilan bulan dalam keadaan tidak berbaju di sebuah rumah di Taman Jati,

Batu Berendam, di sini, pada 9 Oktober lalu, kira-kira jam 1.20 pagi.

Pertuduhan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, N Sivashangari mengikut Seksyen 14(a) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan jika disabitkan kesalahannya.

Darmafikri bagaimanapun menanggukkan keputusan fakta dan hukuman pada 28 Oktober ini bagi membolehkan pendakwaan menyediakan fakta kes.

Tiada jaminan ditawarkan kepada tertuduh yang juga bapa kepada lima anak.

Difahamkan, siasatan polis mendapati tertuduh baru beberapa hari berkenalan menerusi

aplikasi MiChat.


Sementara itu, di Putrajaya, seorang pembantu operasi kolej didakwa di Mahkamah Sesyen atas tujuh tuduhan melakukan amang seksual fizikal dengan menyentuh kemaluan lima remaja lelaki.

Tertuduh berusia 44 tahun itu mengaku tidak bersalah sejeurus pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Datin M Kunasundary.

Mengikut pertuduhan, lelaki bujang terbabit didakwa melakukan amang seksual terhadap remaja berusia 16 dan 17 tahun dengan menyentuh kemaluan mereka bagi tujuan seksual di kolej terbabit antara Februari 2022 hingga September lalu.



Mohd Rizuan ketika di Mahkamah Sesyen Melaka, semalam.



TAJUK : BINA 10 TABIKA, TASKA BAHARU

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

BINA 10 TABIKA, TASKA BAHARU

Kemas terima RM586j tumpu pendidikan awal kanak-kanak



Kuala Lumpur

Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) menerima peruntukan RM586 juta tahun hadapan bagi memastikan pendidikan awal kanak-kanak terus diberi perhatian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebanyak 10 Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) baharu akan dibina dengan kos RM31 juta di Kampung Paya Berenjut, Kemaman, Terengganu; Felda Jelai 1, Tampin, Negeri Sembilan dan Taman Kota Masai, Johor Bahru, Johor.

Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan RM20 juta bagi menaik taraf premis Pendidikan Awal Kanak-kanak Kemas.

"Tahun hadapan juga, 26 buah prasekolah baharu di bawah Kementerian Pendidikan akan dibina membabitkan kos RM82 juta.

"Ini termasuklah pembinaan bangunan prasekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Abang Kadir Gedong, Simunjan, Sarawak; SK Bunut Rendang, Kuantan, Pahang dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chabau, Melaka," katanya ke-



SEBANYAK 10 Tabika dan Taska baharu akan dibina dengan kos RM31 juta di Kampung Paya Berenjut, Kemaman, Terengganu; Felda Jelai 1, Tampin, Negeri Sembilan dan Taman Kota Masai, Johor Bahru, Johor.

tika membentangkan Belanjawan 2024 semalam.

Menurut Anwar lagi, penghayatan pendidikan Islam dan ilmu al-Quran juga akan terus dipraktekkan sejak awal usia.

Justeru, kerajaan akan melaksanakan Program Pra Tahfiz Kemas dengan peruntukan RM20 juta dengan sasaran untuk melahirkan 100 ribu hufaz cilik menjelang 2026.

Kata beliau, pusat tahanan imigresen juga bukannya tempat untuk kanak-kanak dan ia tidak perlu pun dirujuk kepada konvensional antarabangsa un-

tuk sedar perihal itu, cukup ihsan di sudut hati.

"Kerajaan memperintis program Baitul Mahabbah Jabatan Imigresen Malaysia bagi menyediakan penempatan sementara buat kanak-kanak ini.

"Bagi tahun 2024, Kerajaan akan memperluas program ini di tiga lagi pusat penempatan sementara masing-masing satudi Sabah, Sarawak dan Semenanjung dengan peruntukan RM10 juta," katanya.

Sementara itu, kerangka ekonomi Madani menetapkan penanda aras supaya kadar penyertaan wanita

dalam tenaga buruh ditingkatkan kepada 60 peratus.

Bagi terus menggalakan wanita untuk kembali bekerja, Anwar berkata, galakan cukai bagi wanita yang kembali bekerja dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027.

"Kerajaan mencadangkan bahawa had pengecualian cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak ditingkatkan daripada RM2,400 kepada RM3,000," katanya.



TAJUK : CABUL 5 REMAJA LELAKI

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKT 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

CABUL 5 REMAJA LELAKI

Pembantu operasi sekolah vokasional mohon dibicarakan atas pertuduhan amang fizikal

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my

Putrajaya

Seorang pembantu operasi sebuah sekolah vokasional didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tujuh pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap lima remaja lelaki.

Bagaimanapun, tertuduh berusia 44 tahun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim, Datin M Kunasundary.

Mengikut pertuduhan, lelaki bujang itu didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap lima pelajar berusia antara 16 dan 17 tahun bagi tujuan seksual di sebuah kolej vokasional di Selangor antara Februari 2022 hingga September lalu.

Pendakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum di bawah akta sama yang membawa kepada hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan sebat jika disabitkan kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya Nurul Faraheen Yahya me-

“Syarat tambahan adalah melaporkan diri ke balai polis berdekatan setiap bulan, passport diserahkan kepada mahkamah dan tidak mengganggu mangsa sehingga kes selesai”



TERTUDUH dibawa anggota polis selepas dikenakan pertuduhan di Mahkamah Sesyen Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

nawarkan jaminan RM60,000 bagi semua pertuduhan.

“Syarat tambahan adalah melaporkan diri ke balai polis berdekatan setiap bulan, passport diserahkan kepada mahkamah dan

tidak mengganggu mangsa sehingga kes selesai,” katanya.

Bagaimanapun, peguam mewakili penjawat awam itu, Nasrul Hadi Mat Saad memohon jaminan RM16,000 atas alasan anak guam

perlu menanggung keluarga.

“Gaji anak guam tidak tinggi dan tiada sumber pendapatan lain,” katanya.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Kunasundary membenar-

kan jaminan RM20,000 bagi semua pertuduhan dan syarat tambahan seperti dicadangkan pihak pendakwa selain menetapkan 21 Disember ini untuk sebutan semula kes.



TAJUK : LELAKI, ANAK PEREMPUAN MAUT KEMALANGAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki, anak perempuan maut kemalangan

Tumpat: "Pagi tadi (semalam) saya lihat Mirul (Mohamad Khairani) keluar membeli sarapan bersama isteri serta dua anaknya. Sebelum beredar, dia sempat melemparkan senyum namun saya merasakan senyuman itu agak pelik," kata Mohamad Azmi Mat Rani, abang kepada Allahyarham Mohamad Khairani yang maut dalam nahas bersama anak perempuannya di Jalan Chabang Empat di sini, pagi semalam.

Allahyarham Mohamad Khairani, 30, maut selepas motosikal ditunggang dirempuh pacuan empat roda sebelum digilis sebuah lagi kenderaan manakala anak sulungnya, Nurul Anisa Adriana, 7, pula meninggal dunia akibat tercampak.

Kejadian berlaku jam 9.30 pagi itu ketika Mohamad Khairani bersama isteri, Nurul Hasliza Mohd Fauzi, 24, dan dua anaknya termasuk Hakim Daniel, 2, menaiki motosikal jenis Yamaha Ego untuk ke kedai kopi bagi membeli nasi



MANGSA maut dalam nahas bersama anak perempuannya di Jalan Chabang Empat, pagi semalam.

berlauk. Mohamad Azmi, 31, berkata, sudah menjadi rutin setiap pagi adiknya itu keluar membeli sarapan jika hari tidak bekerja.

"Saya menetap di Johor dan baru pulang ke kampung iaitu Kampung Ben-

dang Luas kelmarin bersama isteri dan bayi lelaki.

"Pagi tadi (semalam) saya melihat Mirul keluar membeli sarapan dan sempat melemparkan senyum kepada saya.

"Walau merasakan senyumannya itu agak pelik

tapi saya tidak menjangkakan itu petanda dia pergi meninggalkan kami buat selama-lamanya," katanya ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Tumpat, di sini, semalam.

Mohamad Azmi berkata, dia diberitahu ibu saud-

ranya mengenai kejadian yang menimpa adiknya dan dapat merasakan Mohamad Khairani sudah meninggal dunia berdasarkan keadaan kecederaan parah dimaklumkan.

Menurutnya, beberapa hari sebelum dia pulang ke kampung, adiknya yang bekerja sebagai tukang rumah itu ada menghubunginya menerusi WhatsApp bertanyakan bila dia akan pulang.

"Dia tanya bila saya akan pulang sebelum memberitahu 'aku tunggu mu balik' tapi saya tidak merasakan apa-apa yang pelik pada ayat itu tapi rupanya semalam (kelmarin) dan hari ini (semalam) adalah pertemuan terakhir kami.

"Malam tadi (kelmarin)

pun kami sempat berbual seperti biasa dan dia kelihatan seronok melayan bayi lelaki saya yang berusia tiga bulan," katanya yang memberitahu jenazah dua beranak itu dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bechah Resak, di sini selepas proses bedah siasat.

Isteri dan anak bongsu mangsa kini dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu dan difahamkan mengalami kecederaan yang serius termasuk patah di beberapa bahagian anggota badan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tumpat Asisten Komisioner Amran Dolah mengesahkan menerima laporan berhubung kemalangan itu dan siasatan lanjut sedang dibuat.

**“
Dia sempat
lemparkan senyum
namun saya rasa
senyuman itu agak
pelik
Mohamad Azmi**



TAJUK : MAK ADA KANSER, ANAK BUAH PINGGANG BOCOR

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKT 2023

M/SURAT : 24

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Mak ada kanser, anak buah pinggang bocor

Besut: "Ujian buat kami sekeluarga apabila anak tiba-tiba disahkan menghidap buah pinggang bocor (*nephrotic syndrome*)," kata seorang wanita yang juga pesakit kanser, Lainatul Aisyah Abdullah.

Aisyah, 37, dari Kampung Air Tawar berkata, dia menghidap kanser (*papillary thyroid*) sejak 2016 dan masih dalam proses rawatan serta perlu menjalani KPD Kimiodin (kimoterapi secara minum iodin).

Menurutnya, anak keduanya daripada empat beradik iaitu Nik Mukhriz Al Hafiz Nik Mohd Faidhi, 12, dikesan menghidap buah pinggang bocor pada Februari lalu dan sudah tujuh kali dimasukkan ke wad di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian di Kelantan untuk rawatan susulan.

"Pada peringkat awal saya perasan bahagian muka, mata serta kaki anak seperti sembab (bengkak) bi-

"Sekarang ini hospital sudah diibaratkan rumah kedua kami, bergilir-gilir masuk ke wad kerana masalah kesihatan masing-masing"

la ditanya dia beri alasan menangis kerana rindukan saya ketika itu terpaksa menerima rawatan di hospital selama seminggu.

"Apabila dibawa ke klinik doktor mengesan kandungan protein dalam air kencing sangat tinggi dan perlu dimasukkan ke hospital.

"Pada Mac serta April, anak makan ubat diberi doktor dan dia kembali sihat serta boleh kembali ke sekolah seperti biasa pada Mei," katanya.

Menurutnya namun pada Jun lalu tahap kesihatan anak kembali mero-

sot dan bertambah teruk berbanding sebelum ini.

"Menurut doktor penyakit anak saya itu berpunca daripada jangkitan kuman ketika dia demam lebih seminggu walaupun pernah dibawa ke klinik untuk rawatan sebelum ini.

"Sekarang ini hospital diibaratkan rumah kedua kami, bergilir-gilir masuk ke wad kerana masalah kesihatan masing-masing.

"Selang dua minggu anak saya dimasukkan ke wad untuk pemantauan doktor kerana ubat diambilnya tidak menunjukkan tindak balas sepatutnya," katanya.

Dia berkata, anaknya sudah beberapa kali bertukar ubat namun kali ini doktor menyarankan mengambil ubat berharga RM16,000 untuk empat botol.

"Sebelum ini anak pernah makan ubat, tetapi selepas tujuh hari antibodi badannya tidak lagi bertindak balas dengan ubat, anak tidak kencing serta

badan kembali sembah.

"Saya sedang berusaha mendapatkan RM16,000 dalam masa singkat kerana sudah banyak perbelanjaan dikeluarkan untuk menampung kos rawatan selama ini.

"Kebiasaannya pesakit buah pinggang bocor selalunya berusia dalam lingkungan empat tahun ke bawah tetapi kes anak saya ini usianya sudah belasan tahun, ada harapan pulih tetapi mengambil masa lama.

"Doktor memaklumkan hanya beberapa orang sahaja pesakit pernah ambil ubat ini dan tindak balas badan mereka menunjukkan perubahan positif makin pulih, harapannya anak saya pun segera sembuh.

"Saya hanya bekerja sebagai tukang urut manakala suami, Nik Mohd Faidhi Nik Harun penjawat awam dalam proses mengumpulkan duit bagi me-




NIK Mukhriz dikesan menghidap buah pinggang bocor pada Februari lalu.

nampung kos rawatan anak," katanya.

Orang ramai yang ingin meringankan beban keluarga berkenaan boleh

menyalurkan sumbangan kepada akaun Maybank 163046309805 atau menghubungi di talian 019-9550340.



TAJUK : MEKANIK BUAT PENGAKUAN BERSALAH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

AMANG SEKSUAL

Mekanik buat pengakuan bersalah

Melaka: Seorang mekanik berdepan hukuman penjara 20 tahun dan sebatan semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan, minggu lalu.

Tertuduh, Mohd Rizuan Abd Razak, 43, membuat pengakuan itu selepas dibacakan dan diterangkan pertuduhan oleh jurubahasa mahkamah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal dengan cara memeluk remaja perempuan berusia 17 tahun sembilan bulan dalam keadaan tidak berbaju di sebuah rumah di Taman Jati, Batu Berendam di sini pada 9 Oktober lalu, kira-kira jam 1.20 pagi.

Pertuduhan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya N Sivashangari mengikut Seksyen 14(a) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan jika disabitkan.

Hakim Darmafikri Abu Adam bagaimanapun menangguhkan keputusan fakta dan hukuman pada




MOHD Rizuan

28 Oktober ini bagi membolehkan pendakwaan menyediakan fakta kes.

Tiada jaminan ditawarkan kepada tertuduh yang juga bapa kepada lima anak.

Difahamkan, siasatan polis mendapati, tertuduh baru beberapa hari berkenalan dengan mangsa menerusi aplikasi MiChat.



TAJUK : ORANG KUAT USAHA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKT 2023

M/SURAT : 39

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Redzuan
Muharam
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tragedi kemalangan pada 14 Disember 2012 masih segar di ingatan seorang wanita kerana mengubah statusnya daripada insan normal menjadi orang kurang upaya (OKU) fizikal.

Insiden itu berlaku ketika motosikal dibonceng Syarifah Zuhira Said Tahir, 31, bersama rakan bertembung dengan lori.

Akibatnya, Syarifah Zuhira yang menetap di Batu 8, Gombak, Selangor mengalami kecederaan saraf tulang belakang atau *spinal cord injury* hingga lumpuh selama setahun sebelum dapat berjalan semula.

Hampir empat tahun juga Syarifah Zuhira mengambil masa untuk menerima keadaan dirinya dan kini, anak sulung daripada empat beradik tidak mengharap ihsan orang sekeliling saja.

Sebaliknya, Syarifah Zuhira berusaha mencari rezeki dengan menjadi pemandu e-hailing sejak lima tahun lalu.

Dia nekad melakukan semua itu walaupun sukar berjalan dan memandu kereta dalam tempoh lama kerana keadaan kaki kanan yang tak kuat.

"Ikutkan saya lumpuh (kekal) tapi Alhamdulillah, Allah beri saya peluang berpijak di bumi dan jalan semula cuma apabila bergelar OKU, bukan semua majikan ambil (bekerja) dan terfikir juga nak kerja apa dulu.

"Bagaimanapun, saya pergi ambil lesen (kereta) namun awalnya tak boleh mohon jadi pemandu e-hailing kerana masih da-



“
Mulanya, saya
ambil penumpang
di kawasan
dekat saja
Syarifah Zuhira

SYARIFAH Zuhira mula kerja sebagai pemandu e-hailing di sekitar Kuala Lumpur.

ORANG KUAT USAHA

**Wanita pernah lumpuh
setahun kini mencari rezeki
sebagai pemandu e-hailing**

lam tempoh lesen P.

"Sementara tunggu lesen penuh, saya kerja lain dahulu dan mula jadi pemandu e-hailing pada September 2018.

"Mulanya, saya hanya mengambil penumpang di kawasan dekat saja kerana waktu itu boleh pilih (penumpang) secara manual kerana fikirkan diri perempuan dan OKU, tetapi kini tiada pilihan jadi hanya mampu berdoa sebelum pandu kereta," katanya.

Berkongsi pengalamannya sebagai pemandu

e-hailing OKU, Syarifah Zuhira berkata, rata-rata masyarakat tempatan faham dengan keadaannya yang berstatus OKU walaupun zahirnya nampak normal.

"Ada (penumpang) yang kasihan dan bagi tip kepada saya. Ada juga tanya macam mana boleh jadi OKU, tak kurang juga takut.

"Tapi pernah juga saya ditengking penumpang mat salih kerana tak dengngar katanya membuat punsangan U di tempat salah.

"Waktu itu, saya bertegas tak ikut permintaannya dan akhirnya dia (penumpang) yang mohon maaf," katanya yang pernah mendapat rawatan selama tiga bulan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan tiga bulan lagi di Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC).


Syarifah Zuhira tidak menafikan ada yang memperlekehkan dan kurang yakin dengan kemampuannya menjadi pemandu e-hailing kerana status sebagai OKU fizikal.

"Biasalah orang kata saya perempuan jadi bahaya dan kalau apa-apa berlaku macam mana?

"Tapi bagi saya apa yang utama keluarga iaitu emak, ayah dan adik beradik sokong.

"Lagipun, saya tengok ada rakan OKU berkerusi roda pun boleh (jadi pemandu e-hailing) jadi mengapa tidak saya?"

"Pandangan orang, OKU dapat bantuan tapi bukan semua dan saya pula bukan jenis meminta jadi selagi ada kudrat, kita kerja kerana bagi saya OKU adalah Orang Kuat Usaha," katanya.



TAJUK : RM1.2 BILION UNTUK PENJAGAAN OKU

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

RM1.2 bilion untuk penjagaan OKU

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menyalurkan peruntukan RM1.2 bilion bagi membantu penjagaan orang kurang upaya (OKU) termasuk elaun kepada pekerja OKU.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kadar elaun pelatih OKU yang mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti ditingkatkan kepada RM300 sebulan.

“Kerajaan turut menyediakan pembiayaan khas menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) berjumlah RM50 juta kepada usahawan OKU mikro,” katanya ketika membentangkan Belanjawan 2024 di Parlimen di sini, semalam.

Selain itu, beliau berkata, sejumlah RM1 bilion diperuntukkan bagi melindungi kesejahteraan warga emas termasuk membiayai bantuan tunai dan penyaluran dana bagi institusi penjagaan dan pusat aktiviti warga emas.

Katanya, kerajaan mencadangkan supaya Elaun Bangunan Industri diberikan kepada Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta Warga Emas yang diluluskan Kementerian Kesihatan termasuk kos bangunan dan pengubahsuaian.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan juga memperuntukkan RM333 juta kepada komuniti Orang Asli mencakupi pelaksanaan projek pembangunan sosioekonomi, prasarana dan pemberian bantuan sosial.

Menurutnya, sejumlah

“Sejumlah RM1 bilion diperuntukkan bagi melindungi kesejahteraan warga emas termasuk membiayai bantuan tunai dan penyaluran dana bagi institusi penjagaan dan pusat aktiviti warga emas”

RM28 juta diperuntukkan bagi mempergiat program pembangunan usahawan Orang Asli serta penanaman semula ladang Orang Asli antaranya di Batang Padang, Perak dan Hulu Langat, Selangor.

Tahun depan, kata beliau, kerajaan turut meneruskan kerjasama dengan syarikat untuk menjayakan program Peluang Kedua Anda (Peka) kepada golongan banduan dan pelarian membabitkan peruntukan RM10 juta.

“Kerajaan juga akan membentangkan pindaan bagi Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi membolehkan penagih dadah menerima rawatan serta pemulihan tanpa dimasukkan ke institusi penjara,” katanya.

Katanya, kerajaan juga bersedia mempertimbangkan akses terkawal kepada keperluan asas termasuk pekerjaan, perkhidmatan serta pendidikan kepada pelarian dan pencari suaka di Malaysia.



TAJUK : SISA HAYATKU DI KATIL!

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKT 2023

M/SURAT : 24

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

SISA HAYATKU DI KATIL!

Remaja perempuan terbabit nahas motor kini terlantar dan leher terpaksa ditebuk

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kuala Krai

Seorang remaja perempuan terpaksa menghabiskan sisa hidupnya dengan terbaring di tilam selepas terbabit kemalangan Mac lalu.

